

# Ramai perwakilan dan wartawan puji Mahathir

U.M 23 OCT 1993

(B) *overas trips.*

NICOSIA (Cyprus) 22 Okt. — Ramai perwakilan dan wartawan yang menghadiri upacara perasmian Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini memuji ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Mereka menyifatkan ucapan Dr. Mahathir sebagai tegas, berani dan jelas khususnya tentang isu Bosnia-Herzegovina, hak asasi manusia dan hala cara Komanwel dalam menangani krisis dunia.

“Ucapannya membuka pemikiran baru kepada kita supaya berani dalam menyelesaikan masalah hak asasi manusia,” kata **Chideya Bhomba**, wartawan dari Zimbabwe.

Dalam ucapannya pada majlis perasmian itu, Dr. Mahathir antara lain menggesa negara-negara anggota Komanwel membantu menamatkan keganasan di Bosnia jika pertu-

buhan itu mahu berdiri megah sebagai pendokong hak asasi manusia.

Perwakilan dari Gambia, **Bol-hong Sonko** berkata, apa yang menarik perhatian beliau ialah cara Dr. Mahathir menyampaikan hujahnya dalam ucapan tersebut.

“Ucapan yang disampaikan itu tidak keras tetapi sinis. Saya fikir ucapannya berani khususnya dalam isu Bosnia,” katanya.

Editor *Inter Press Service* yang berpejabat di Amsterdam, **Malcom Flanagan** berkata, Dr. Mahathir dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe memberikan ucapan yang baik dan bertepatan dengan perkembangan masa kini.

“Ucapannya mengandungi teguran, pandangan dan cadangan yang seharusnya diambilkira oleh CHOGM kali ini,” katanya.

Apa yang menarik kata beliau

ialah ‘cabaran’ Dr. Mahathir terhadap Komanwel supaya membantu menyelesaikan krisis di Bosnia.

“Dengan menggunakan hujah kemanusiaan dan hak asasi manusia, saya berpendapat apa yang dikatakan oleh beliau (Dr. Mahathir) tepat,” katanya.

Sementara itu seorang wartawan dari Britain yang tidak mahu namanya disebut berkata, “sememangnya ucapan beliau sentiasa dinanti-nantikan di sini.”

Menurut wartawan tersebut, walaupun Dr. Mahathir menekankan soal penyelesaian di Bosnia dan Afrika Selatan tetapi ia mencerminkan kekuatan dalam ucapannya itu.

“Yang lebih jelas, beliau berjaya menarik perhatian media,” katanya. — *Utusan*.